



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**BATU TARSILAH SEBAGAI ALAT KEBESARAN DAN KEDAULATAN: SALASILAH
RAJA BRUNEI DINILAI DARI SEGI ILMU NASAB ISLAM**

**[BATU TARSILAH BEING REGALIA AND SYMBOL OF SOVEREIGN:
THE PEDIGREE OF BRUNEI SULTANATE VIEWED FROM ISLAMIC
LINEAGE PERSPECTIVE]**

AMER HUDHAIFAH HAMZAH¹
WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN²

¹ Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur,
Federal Territory of Kuala Lumpur
Email: amerukun@um.edu.my

² Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhr Persiaran Tun Khalil Yaakob,
26300, Kuantan, Pahang, Malaysia
E-mail: wanfauzi@ump.edu.my

*Corresponding Author: amerukun@um.edu.my

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 28 December 2022

Abstrak

Batu Tarsilah merupakan salah satu daripada tiga sumber utama salasilah raja Brunei. Ia adalah batu bersurat dengan catatan tarikh 1221H/1807M sementara dua sumber yang lain ialah riwayat lisan dan dokumen sejarah, termasuk manuskrip Melayu. Tetapi sebagai sumber yang langka, Batu Tarsilah tidak semestinya memberi info yang lengkap. Oleh sebab itu, ia memerlukan unsur lain yang memperkukuh dan memperjelas maklumat sedia ada. Melalui artikel ini, kajian berusaha mentafsir Batu Tarsilah berdasarkan ilmu nasab Islam, khususnya istifadah (استيفاضة), bagi mengabsahkan kedaulatan raja Brunei. Hasil analisis komparatif dan kritikan konteks, Batu Tarsilah dianggap sumber dipercayai dalam menentukan status ahl al-bayt raja-raja Melayu. Penghasilannya didahului oleh sumber lisan sebelum ditulis di atas kertas, kemudian diukir pada batu untuk mewakili pandangan rasmi pemerintah Brunei. Batu Tarsilah juga mengabsahkan hubungan kekerabatan raja Brunei dengan ahl al-bayt Rasulullah s.a.w., begitu juga bangsa Quraysh umumnya sekaligus memperakui kedaulatan mereka sebagai pemimpin umat berdasarkan ijma' para fuqaha. Berdasarkan dapatan ini, maka wajarlah Batu Tarsilah diangkat sebagai simbol kebesaran kerajaan Brunei.

Kata kunci: Batu Tarsilah, alat kebesaran diraja, kedaulatan institusi istana, salasilah raja Brunei, ilmu nasab Islam.

Abstract

Batu Tarsilah is one of the three main sources of the genealogy of the sultan of Brunei. It is an inscribed stone with notes dated back in 1221H/1807M while the other two sources are oral

histories and historical documents including Malay manuscripts. However as a rare source, Batu Tarsilah does not necessarily give complete and comprehensive information. Due to that, it needs other elements to strengthen and clarify the information provided. Through this article, the research will try to interpret Batu Tarsilah based on Islamic genealogy, specifically *Istifadah* (استيفاضة), to reassert the sovereignty of the sultan of Brunei. The outcome of this comparative analysis and context criticism, Batu Tarsilah is considered the most reliable source to determine the status of the ahl al-bayt of Malay sultans. The process is preceded with oral sources first, before it is written on paper followed by carving it on the stone to represent the official view of the government of Brunei. In addition, Batu Tarsilah also reasserts the kinship between the king of Brunei and ahl al-bayt of Rasulullah s.a.w. as well as the Quraysh at the same time certifying their sovereignty as leaders of the people based on the consensus of *fqaha*. Based on these findings, it is right that Batu Tarsilah is taken as a symbol of the greatness of the kingdom of Brunei.

Keywords: Batu Tarsilah, regalia, the sovereignty of the palace, genealogy of the Brunei rajas, Islamic genealogy.

Cite as: Amer Hudhaifah Hamzah & Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2022. Batu Tarsilah Sebagai Alat Kebesaran dan Kedaulatan: Salasilah Raja Brunei Dinilai dari Segi Ilmu Nasab Islam [Batu Tarsilah Being Regalia And Symbol Of Sovereign: The Pedigree Of Brunei Sultanate Viewed From Islamic Lineage Perspective]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 245-272.

PENGENALAN

Setiap individu lahir daripada perkongsian mulia sepasang suami-isteri, justeru tidak mungkin terjadi sesiapa mendakwa memiliki lebih daripada seorang bapa dan seorang ibu. Kelahirannya, tidak dapat tidak, akan melalui tahap benih seorang lelaki dan seorang perempuan yang bersenyawa, lalu membentuk zigot, kemudian menjadi embrio, seterusnya fetus sebelum lengkap sebagai bayi manusia yang sempurna kejadian. Begitulah Allah s.w.t menerangkan kejadian manusia di dalam al-Qur'an yang kemudiannya dibuktikan melalui kajian biologi yang saintifik. Allah s.w.t berfirman:

خُلِقَ مِنْ مَّاءٍ دَافِقٍ (6) يَخْرُجُ مِنْ بَيْنِ الصُّلْبِ وَالتَّرَائِبِ (7) [الطارق]

“Dia (yakni manusia) diciptakan dari air yang terpancut, (6) yang keluar dari antara tulang belakang dan tulang dada (7)”. [al-Tariq]

Lalu Dia berfirman lagi:

ثُمَّ جَعَلْنَاهُ نُطْفَةً فِي قَرَارٍ مَكِينٍ (13) ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ (14) [المؤمنون]

“Kemudian kami jadikannya nutfah (air mani yang tersenyawa), kemudian kami ciptakan daripada nutfah itu ‘alaqah (segumpal darah), dan kami ciptakan dari ‘alaqah itu mudghah (seketul daging) dan kami ciptakan dari mudghah itu

tulang-belulang. Lantas kami liputi tulang belulang itu dengan daging dan kami menjadikannya makhluk yang lain”. [al-Mu'minin]

Disebabkan manusia dicipta sebagai makhluk bermasyarakat, maka setiap anak yang lahir pasti teracu di bawah acuan sosial dan berkongsi pelbagai ciri persamaan antaranya bahasa, budaya dan pemikiran. Anak Melayu berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu, berbudaya dengan budaya Melayu dan berfikir sebagai seorang Melayu. Begitu juga anak Inggeris komunikasi menggunakan bahasa Inggeris, berbudaya dengan budaya Inggeris dan berfikir sebagai seorang Inggeris. Anak Arab berkomunikasi menggunakan bahasa Arab, berbudaya dengan budaya Arab dan berfikir sebagai seorang Arab. Perkara ini terjadi kepada setiap bangsa di dunia termasuk Cina, India dan lain-lain yang tidak terkira banyaknya.

Namun ciri persamaan ini juga membuatkan setiap bangsa itu; Melayu, Cina, India, Inggeris dan Arab, mempunyai keunikan tersendiri. Dualisme ‘persamaan-perbezaan’ ini apabila melalui fasa pertembungan sering kali akan mencetuskan keadaan tidak aman, walaupun pada kadar tertentu dengan jangka waktu yang signifikan lama masih meninggalkan ruang asimilasi yang positif. Sejarah merekodkan pelbagai contoh pertembungan yang akhirnya mengakibatkan persengketaan, peperangan hingga sesetengahnya menyebabkan pembasmian etnik. Kadang-kadang bukan hanya antara bangsa-bangsa yang berbeza sahaja, malah mungkin juga terjadi antara suku dan puak dalam masyarakat bangsa itu sendiri.

Oleh itu, Allah s.w.t berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا^{١٣} [الحجرات: 13]

“Wahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, lalu kami jadikan kamu berbangsa dan berpuak agar kamu saling mengenali”.

Tujuan Allah menekankan kejadian manusia dari seorang bapa bernama Adam dan seorang ibu bernama Hawa adalah untuk mengingatkan kembali bahawa asal perbezaan yang dimiliki semua bangsa manusia hari ini sebenarnya persamaan, persamaan dari segi salasilah, agama, bahasa, budaya dan pemikiran. Bagi menjelaskan asal usul serta persamaan inilah, maka ilmu nasab yang juga dikenali dengan istilah genealogi diperkenalkan.

Pengenalan Ilmu Nasab Islam

Ilmu nasab yang objektifnya menyorot salasilah keluarga pada asalnya merupakan salah satu daripada cabang kajian sejarah. Namun bangsa Arab sudah mengenali ilmu nasab sebagai disiplin ilmu yang bebas sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi, iaitu kira-kira 1,400 tahun yang lalu. Besar kemungkinan, disiplin ilmu ini bertitik tolak dari pengetahuan mereka tentang isi kandungan Perjanjian Lama yang dipercayai mengandungi kitab Taurat yang turun kepada Nabi Musa a.s. Ini kerana sebelum Islam diturunkan melalui Nabi Muhammad s.a.w., agama Kristian yang ketika itu dipanggil النَصْرَانِيَّة merupakan antara agama samawi yang turut tersebar di semenanjung tanah Arab.

Khususnya kitab Kejadian (dalam bahasa Arab dipanggil *الْخَلِيقَةُ* atau umum lebih mengenalinya dengan nama *التَّكْوِين* “Genesis”), ia mengandungi maklumat-maklumat penting nasab Islam bermula Adam a.s. hingga Ismail a.s. Dengan itu boleh dilihat kesejajaran yang signifikan antara sumber biblikal dengan literatur Islam. Perujukan kepada kitab suci agama Yahudi dan Nasrani dalam tradisi keilmuan Islam dikenali sebagai sumber Israiliyyat yang Rasulullah s.a.w bersabda mengenainya: *حَدِّثُوا عَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَلَا حَرَجَ* (beritakanlah dari bani Israil, tidak terdapat masalah padanya). (al-Bukhari, 2002: 857 (no. 3461)) Begitulah mungkin bermulanya pengetahuan bangsa Arab tentang nasab mereka dari sumber Israiliyyat sebelum disambung dengan sumber *istifadah* (sumber lisan yang diperakui umum).

Walaupun Rasulullah s.a.w awalnya menerima Israiliyyat sebagai salah satu sumber pengetahuan, tetapi khusus mengenai nasab sehingga Adam a.s., Baginda pernah diriwayatkan bersabda: *كَذَّبَ النَّسَابُونَ* (maksudnya: Telah berdusta ahli nasab) yang menunjukkan Baginda menyangkal kebenarannya. Memang benar hadis ini dihukumkan *mawdu'* oleh al-Albani, (al-Albani 1988: 608 (no. 4166)) namun dari segi makna, ia wajar kerana tiada sumber primer sebagai penyokong. Al-Qur'an hanya meriwayatkan sebahagian kecil daripadanya, sementara kebanyakan manuskrip Perjanjian Lama yang telah ditemui hari ini merupakan teks sekunder sebelum dibuktikan pula sebagai teks terubah (*النَّصُّ الْمُحَرَّفُ*). (Pengkaji berpandangan tidak perlu diulas polemik yang terjadi menurut sains moden mengenai status Adam dan Hawa, sama ada kedua-dua individu adalah lagenda yang bersifat simbolik atau benar-benar tokoh dalam sejarah. Ini kerana indikator yang terdapat dalam al-Quran dan sunnah sangat jelas mengatakan Adam merupakan bapa sekalian manusia yang telah dimuliakan penciptaannya, dan baginda diciptakan sendiri oleh Allah s.w.t daripada tanah. Justeru itu, Allah membentak Iblis yang bersikap angkuh dengan berfirman:

يَا إِبْلِيسُ مَا مَنَعَكَ أَنْ تَسْجُدَ لِمَا خَلَقْتُ بِإِيْدِي ۖ

“Wahai Iblis, apakah yang menghalang engkau dari bersujud (menghormati) apa yang telah Aku ciptakan dengan kedua tangan-Ku?”.

Kita tidak perlu menolak secara mutlak teori revolusi! Hanya perlu diakui bangsa manusia tidak melalui proses revolusi tersebut untuk menjadi makhluk berakal kerana Allah s.w.t memuliakan manusia di atas segala makhluknya yang lain:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

“Sesungguhnya telah kami muliakan anak cucu Adam, kami bawa mereka di atas tanah dan lautan dan kami berikan mereka rezeki yang baik-baik. Begitulah kami melebihkan mereka di atas kebanyakan ciptaan kami yang lain dengan sebenar-benar kelebihan”.

Kesimpulannya, al-Qur'an, begitu juga sunnah yang benar, merupakan sumber primer, autentik dan dinaqalkan kepada kita menggunakan kaedah yang rasional. Sesetengahnya bahkan telah terbukti sejajar dengan hasil kajian saintifik seperti yang telah disebutkan di

awal artikel. Sehubungan itu tidak dapat tidak, Adam dan anak cucu baginda perlu dikecualikan dari teori revolusi yang mengaitkan seluruh makhluk di dunia.

Menurut Amin (1968: 11), perkataan “hina” pada MS 25032 berkemungkinan kesalahan penulis atau penyalin dan perkataan asal ialah “Cina” seperti yang terdapat dalam sumber-sumber lain.

Pandangan ini mengambil kira kemungkinan besar teks salasilah raja Brunei telahpun ditulis sebelum Batu Tarsilah (2 Zulhijjah 1221H/10 Februari 1807M). Meskipun belum ditemui teks yang lebih awal, akan tetapi berdasarkan nama-nama yang disebutkan, seperti Sultan Muhyiddin (abad ke 17) dan Sultan Kamaluddin (abad ke 18), menunjukkan ia ditulis lebih awal dari itu, lalu, batu bersurat hanyalah salah satu versi yang muncul lebih kemudian dan atas tujuan rasmi kerajaan. Amin Sweeney (1998, hlm. 168) termasuk salah seorang yang percaya bahawa terdapat versi kertas sebelum dicipta Batu Tarsilah, ujar beliau: “It seems rather more likely that the silsilah would be written on paper before being committed to stone”).



Rajah 1: Contoh nasab bermula Adam a.s. hingga cucu-cicit Isma'il a.s. yang dipertikai kebenarannya.

Meskipun riwayat Ibn Hisham dan Ibn Ishaq (1990, hlm. 15-16) yang dibawakan di sini kurang asli dan mempunyai kelemahan campur aduk yang agak jelas, namun ia masih dianggap contoh yang baik bagi memperlihatkan kaedah perujukan kepada Isra'iliyyat.

Bahagian yang tidak diragui pada ilmu nasab Islam sebelum Rasulullah s.a.w, bermula generasi Adnan, (Ibn al-Qayyim, 1998, jil. 1: 70) iaitu nenek moyang Baginda yang dianggarkan hidup pada abad ke 7 sebelum masihi. Nasab ini disepakati kerana bersumberkan *istifadah* yang turut dipanggil *شُهْرَة* dalam bidang nasab.


Seperti yang disebut oleh Ibn Khaldun, bangsa yang hidup nomad dan primitif sangat mementingkan nasab, kerana melalui nasab, mereka boleh menjamin keselamatan masing-masing dari serangan musuh. Beliau menulis (2010: 138):

فَإِذَا كَانَ النَّسَبُ الْمُتَوَاصِلُ بَيْنَ الْمُتَنَاصِرِينَ قَرِيبًا جَدًّا بِحَيْثُ حَصَلَ بِهِ الْإِتِّحَادُ وَالْإِلْتِحَامُ، كَانَتْ الْوُصْلَةُ ظَاهِرَةً، فَاسْتَدْعَتْ ذَلِكَ بِمَجَرَّدِهَا وَوُضُوْجِهَا. وَإِذَا بَعُدَ النَّسَبُ بَعْضُ الشَّيْءِ قَرِيبًا تَنَوَّسِيًا بَعْضُهَا وَيَبْقَى مِنْهَا شُهْرَةٌ، فَتَحْمِلُ عَلَى النُّصْرَةِ لِذَوِي نَسَبِهِ بِالْأَمْرِ الْمَشْهُورِ مِنْهُ فِرَارًا مِنَ الْغَضَاظَةِ الَّتِي يَتَوَهَّمُهَا فِي نَفْسِهِ مِنْ ظُلْمٍ مَنْ هُوَ مَنَسُوبٌ إِلَيْهِ بِوَجْهِهِ. وَمِنْ هَذَا الْبَابِ الْوَلَاءُ وَالْجُلْفُ إِذْ تُعْرَفُ كُلُّ أَحَدٍ عَلَى أَهْلِ وَلَائِهِ وَجُلْفِهِ لِلْأَنْفَةِ الَّتِي تَلْحَقُ النَّفْسَ مِنْ اهْتِضَامِ جَارِهَا أَوْ قَرِيبِهَا أَوْ نَسَبِهَا بِوَجْهِهِ مِنْ وَجْهِهِ النَّسَبِ. وَذَلِكَ لِأَجْلِ اللَّحْمَةِ الْخَاصِلَةِ مِنَ الْوَلَاءِ مِثْلَ لَحْمَةِ النَّسَبِ أَوْ قَرِيبًا مِنْهَا.

“Sekiranya nasab yang bersambung-sambung sangat dekat antara kedua-dua kabilah yang saling bersekutu hingga terjadi penyatuan dan penyempurnaan, maka pertalian itu sangat jelas dan ia menuntut kebersamaan hanya disebabkan kejelasan itu. Namun jika nasab menjauh sedikit, mungkin akan dilupakan beberapa generasi (menyebabkan nasab tidak bersambung) tetapi masih ada kesefahaman (tentang pertalian nasab), maka mereka akan saling membantu ahli nasab berdasarkan apa yang disefahami bersama demi mengelakkan kehinaan yang dapat dirasakan dalam diri mereka oleh sebab kezaliman atas orang yang mempunyai nasab dengan mereka dari satu segi yang tertentu (yakni kesefahaman tersebut meskipun tanpa penyatuan yang jelas). Termasuk dalam kes ini ialah kesetiaan dan perjanjian, disebabkan sokongan setiap orang adalah bersama kawanan kesetiaan dan perjanjiannya. Lantas maruahnyanya akan tercabar jika pihaknya, sama ada jiran atau tetangga atau ahli nasab, dizalimi. Ia tidak lain kerana penyatuan disebabkan kesetiaan sama seperti penyatuan nasab atau setidak-tidaknya menyerupainya”.

Atas tujuan yang dinyatakan Ibn Khaldun di atas, lantas kita memahami sepenuhnya hikmah Rasulullah s.a.w yang menekankan kepentingan mempelajari (mengambil tahu) nasab demi menyambung silaturahim menerusi hadis Baginda: *تَعَلَّمُوا مِنْ أَنْسَابِكُمْ مَا تَصِلُونَ بِهِ أَرْحَامَكُمْ*. “Pelajarilah daripada nasab kamu apa yang boleh menyambung silaturahim sesama kerabat kamu”. (al-Albani, 2000, jil. 2, hlm. 370 (no. 1979)) Bangsa Arab memelihara nasab mereka yang bersambung-sambung hingga ke generasi yang hidup pada abad 7 sebelum masihi juga disebabkan oleh hakikat ini. Bukan mudah menjamin kelestarian nasab yang melangkaui tempoh 1000 tahun secara lisan, melainkan sekiranya sesebuah masyarakat itu berkembang dalam pola yang sangat perlahan dan tertutup. Umumnya dapat dikatakan, begitulah landskap pemikiran kolektif kaum yang diutuskan Rasulullah s.a.w dalam kalangan mereka, iaitu bangsa Arab.

Sesuai dengan fitrah kenabian, Rasulullah s.a.w dilahirkan dalam kelompok yang paling mulia seperti yang dijelaskan dalam hadis al-Bukhari (2002: 10): *هُوَ فِيْنَا ذُو نَسَبٍ ... فَكَذَلِكَ الرُّسُلُ تُبْعَثُ فِي نَسَبٍ قَوْمِهَا* (bermaksud: Dia (yakni Muhammad s.a.w) dalam kalangan kami merupakan individu berstatus keturunan tinggi ... Begitulah hal para rasul, mereka dibangkitkan dari kalangan bangsawan). Melalui *Mawlid al-Barzanji*, kita mendapati pengarangnya memuji nasab Baginda sebagai nasab terpuji dan suci tidak dicemari mukah jahiliyyah. (al-Barzanji, t.th., hlm. 15-16) Sehubungan itu, nasab Baginda, dari suku Quraysh, menjadi tunjang kepada seluruh pengetahuan Arab mengenai nasab mereka yang klasik.



Rajah 2: Salasilah nasab Rasulullah s.a.w hingga ‘Adnan yang hidup pada abad ke 7 sebelum masihi. (Rujuk lebih lanjut Amer Hudhaifah Hamzah, 2021)

Agama Islam memperakui kebenaran ilmu nasab yang digagas dan diamalkan oleh bangsa Arab. Justeru, banyak kita dapati isu-isu agama yang bersangkutan-paut dengan persoalan nasab seperti hukum-hakam fara'id, wali nikah, wakaf kepada sesetengah keluarga dan tanggungjawab 'aqilah yang membayar diat kematian. (al-Qalqashandi, 1980, hlm. 6) Sekiranya tidak, masakan terdapat pandangan ulama yang cukup tegas menekankan kepentingan nasab dalam pemilihan pemimpin berdasarkan beberapa hadis. Perkara ini akan dibangkitkan semula untuk perbincangan, namun sangat jelas bahawa konsep nasab yang dipegang oleh bangsa Arab dan diperakui dalam Islam tidak hanya sebagai pengetahuan lapuk yang ditulis dan diulang-ulang, bahkan ia mengandungi hikmah yang cukup besar dan pengajaran yang mulia bagi sesiapa saja yang ingin memahami.

BATU TARSILAH, REPRESENTASI KESINAMBUNGAN TRADISI NASAB ISLAM DI ALAM MELAYU

Jika bangsa Arab sejak awal jahiliyyah lagi sudah melestarikan nasab mereka secara *istifadah* yang didorong oleh perkembangan pemikiran yang perlahan dan jumud, akan tetapi bangsa Melayu tidak begitu. Orang Melayu hidup di bandar-bandar intrepot yang sentiasa dikunjungi kapal-kapal dagang dari seluruh dunia sudah sangat lama, menyebabkan mereka tidak perlu kerap berpindah randah.

Lagipun, bangsa Melayu hidup dalam suasana tropika, dikelilingi pelbagai spesis flora dan fauna. Soal makanan dan keperluan hidup bukan menjadi satu masalah bagi mereka. Orang Arab yang tinggal di gurun terpaksa bergantung kepada aktiviti merompak (disebut *إغارة*) dan berperang (*غزو*) bagi mendapatkan bekalan makanan yang terhad menyebabkan mereka mempunyai ramai musuh. Fenomena ini menuntut mereka agar menjaga nasab supaya dapat menjamin bantuan sekiranya diperlukan. Disebabkan perbezaan yang relatif besar antara kedua-dua bentuk geografi akhirnya mencorak kebudayaan ilmu. Secara tidak langsung maka, keutamaan mereka; Arab dan Melayu, kepada nasab juga berbeza pada peringkat awalnya.

Tetapi perubahan berlaku setelah kedatangan Islam ke alam Melayu. Perkembangan terjadi dalam hidup masyarakat di Nusantara ekoran Islamisasi yang rancak pada abad ke 12 berterusan hingga ke abad 14 masihi. Perubahan fundamental yang membabitkan bahasa dan pemikiran telah melonjakkan taraf ketamadunan masyarakat Melayu, terutamanya dalam menjaga salasilah keluarga secara lisan dan secara bertulis. Khususnya dalam konteks kerajaan Islam Brunei, kedudukannya yang strategik di pintu masuk laut China Selatan telah menjadikan pulau Brunei (dikenali oleh masyarakat eropah “*Borneo island*” mencakupi Sabah, Sarawak dan Kalimantan hari ini) antara lokasi awal terbinanya tamadun maritim di Asia Tenggara.

Menurut Awang Mohd Jamil (1990: 6), beberapa catatan pramoden Cina membuktikan sudah wujud hubungan diplomasi antara Po-li (nama kerajaan Brunei Tua) dengan dinasti Liang pada tahun 517 dan 522M, dinasti Sui pada 616M dan dinasti Tang pada 630 dan 699M, tetapi tidak dikenali raja-raja yang memerintah ketika itu. Benar, terdapat sebutan beberapa nama contohnya Pinka dan Hu-lan-na-po, namun dipercayai raja-raja tersebut beragama Hindu-Buddha dan tidak jelas salasilah mereka, sebelum catatan pada tahun 977M memperlihatkan penglibatan bangsa Arab dalam kegiatan diplomatik kerajaan Po-ni (sebutan baru nama Po-li pada abad ke 10M).

Raja Po-ni pada tahun 977M bernama Hiang-ta dan orang Arab yang mengetuai rombongan kerajaan Po-ni ke China yang ketika itu diperintah oleh dinasti Sung dikenali sebagai Shi-nu (Shaykh Nuh), Pu-ya-li (Abu ‘Ali) dan Ge-xin (Qasim), (Johannes L. Kurz, 2014: 4) namun begitu belum dipastikan adakah Po-ni sepenuhnya telah menganut agama Islam pada ketika itu? Awang Mohd Jamil (1990: 14) menyebut kemungkinan bangsa Arab sudah mendapat tempat yang kukuh di Po-ni pada abad ke 10M, pun begitu tidak semestinya menunjukkan Islamisasi sudah berlaku secara sempurna. Awang Abdul Aziz (1992: xxiv-xxv) berkata hanya sesudah Awang Alak Betatar memeluk agama Islam, baharulah Islam menjadi agama rasmi dan disebarkan secara meluas di Brunei.

Berbeza dengan dakwaan Chen Da-Sheng (1992) yang menganggap batu nisan bertulis *مہاراجا برني* yang ditemui di perkuburan Islam Dagang, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan, sebagai bukti terdapat raja-raja sebelum Awang Alak Betatar memeluk Islam, pengkaji melihat perkara ini masih boleh dibahaskan selagi ujian radiokarbon tidak dibuat atau catatan tarikh yang menentukan secara tepat usia relik tidak didapati. Lebih-lebih lagi, makam Sultan Abdul Majid Hasan yang disebut dalam catatan Cina sebagai “Ma-na-je-ka-na” terletak di Nanjing, China. Boleh jadi ahli keluarga dan pengikut baginda yang setia berkenan membuat replika makam (dalam tradisi Islam dipanggil *ضريح*) bagi memperingati si mati yang disemadikan jauh dari tanah air, lalu dibuat batu nisan dengan inskripsi tersebut.

Antara hujah yang boleh mendorong pertimbangan di atas ialah kenyataan “الشہید” pada batu nisan *مہاراجا برني* tersebut kerana sesetengah umat Islam percaya seseorang yang mati dalam keadaan bermusafir (الإغتراب) dianggap syahid berdasarkan hadis Ibn ‘Abbas yang diriwayatkan oleh Ibn Majah (t.th.: 515 (no. 1613)) berbunyi: *مَوْتُ غُرْبَةٍ شَهَادَةٌ* (Ertinya: *Mati dalam perjalanan itu mati syahid*). Mengenai pandangan Metassim Hj. Jibah yang dinyatakan oleh Chen Da-Sheng (1992: 5) bahawa tiada gelaran ‘maharaja’ dalam sejarah kesultanan Brunei, ia boleh dipersoalkan berdasarkan MS 25032 yang merekodkan adat menggelar dalam istana Brunei: “Maka bernama maharaja itulah cheteria”. (Amin Sweeney, 1968: 48) Ini menunjukkan istilah ‘maharaja’ digunakan walaupun jarang didengari. Mungkin terdapat

perkembangan dari segi makna perkataan dari satu zaman ke satu zaman yang lain, belum dapat dipastikan hal ini, namun bukti penggunaannya cukup jelas berdasarkan kenyataan manuskrip tersebut.

Akhirnya walau apapun kemungkinan, perlu ditegaskan bahawa pandangan umum mengetahui kerajaan Islam pertama yang dibina di Brunei adalah semasa pemerintahan Awang Alak Betatar yang digelar Paduka Seri Sultan Muhammad pada 1363M. Sejak itu juga, salasilah raja-raja Brunei mula dilestarikan secara *istifadah*. Di sini harus diterangkan maksud *istifadah* (Arabnya ditulis اسْتِفَادَة) iaitu fakta yang diakui ramai. Sesiapa yang mempelajari ilmu nasab Islam pasti mengetahui salah satu kaedah penetapan nasab yang benar ialah maklumat kolektif yang dipercayai zaman berzaman, dipanggil *al-khabar al-mustafid* (الْخَبَرُ الْمُسْتَفِيدُ). Kedudukannya menyerupai *al-khabar al-mutawatir* dalam bidang hadis dan *al-hukm al-mujma'* 'alayhi dalam bidang fiqh.

Justeru apabila al-Jurjani, seorang ulama Hanafi, mempertikai nasab Imam al-Shafi'i dan menyandarkannya kepada ulama Malikiyyah, Fakhr al-Din al-Razi (1986: 24-29) membantah keras tindakan tersebut dan mendakwa: Tindakan al-Jurjani tidak bertanggjawab dan menyalahi *al-khabar al-mutawatir* serta ijma'. Begitu juga Ibn Khaldun (2010: 36-37) dalam membela kemurnian ilmu nasab yang menghubungkan Muhammad ibn Tumart, ketua gerakan al-Muwahhidin di Morocco dengan ahl al-bayt melalui 'Ali ibn Abi Talib dan Fatimah ibnt Muhammad s.a.w., beliau berkata:

وَأَمَّا إِنْكَارُهُمْ نَسَبَهُ فِي أَهْلِ الْبَيْتِ فَلَا تَعْضُدُهُ حُجَّةٌ لَهُمْ مَعَ أَنَّهُ إِنْ ثَبَتَ أَنَّهُ ادَّعَاهُ وَانْتَسَبَ إِلَيْهِ فَلَا دَلِيلَ يَفْعُلُ عَلَى بَطْلَانِهِ لِأَنَّ النَّاسَ مُصَدِّقُونَ فِي أَنْسَابِهِمْ

maksudnya: Adapun penafian mereka (yakni sesetengah ulama Morocco) ke atas nasab Ibn Tumart yang berhubung dengan ahl al-bayt, tiada sebarang hujah yang menyokong mereka. Sementara telah sabit dakwaan dan nyata nasab, tiada bukti pula yang menunjukkan sebaliknya, maka manusia dipercayai pada nasab mereka).

Gambaran polemik yang bercanggah dengan metodologi nasab Islam seperti di atas seakan-akan dapat dirasai dari kata-kata Chen Da-Sheng (1992: 5, 10) yang kelihatan memperkecilkan salasilah Raja Brunei. Kenyataan beliau berbunyi: *However, Mr. Metassim Hj Jibah pointed out, "history tells us that there is no such name as 'maharaja' for a sultan in Brunei". What does the term "history" mean here? I believe it might mean the Genealogical Tablet (Batu Tarsilah) of the Sultans of Brunei.* Kita boleh memahami sekiranya beliau berpandangan skeptikal sebegitu oleh sebab *"the Genealogical Tablet of the Sultans of Brunei was engraved in the 2nd Zulhijjah A.H. 1221/10th February A.D 1807"*, tetapi selagi terbukti isi kandungannya merupakan kesinambungan tradisi nasab Islam di alam Melayu, tidak dapat tidak perlu dipertimbangkan kaedah yang betul dalam menanggapi ketepatan dan kebolehpercayaannya.

Sementelah lagi untuk menerima bulat kata-kata Chen Da-Sheng (1992: 11) yang mendakwa penulis Batu Tarsilah pada awal abad ke 19 merujuk sumber pramoden Cina tanpa beliau memberikan sebarang hujah bagi mengaitkan antara kedua-dua sumber tersebut. Perlu diperbetulkan kenyataan beliau yang berbunyi: *"It is a recognized fact that many countries in*

Southeast Asia traced their own history from Chinese documents” because “they lacked earlier documents or evidence”. Kenyataan seperti ini jelas menunjukkan ketidakterbukaan ahli arkeologi itu kepada kajian-kajian manuskrip Brunei yang telah dibuat sejak 1880. Hakikatnya sejarah alam Melayu telah sampai kepada kita melalui sumber-sumber tulis dan lisan yang sehingga kini masih *relevant* dijadikan bahan penyelidikan dan interpretasi sejarah.

Sememangnya sumber-sumber luar seperti catatan klasik Cina, Arab dan Inggeris membekalkan maklumat berharga, namun tidak sampai beliau layak mendakwa masyarakat Melayu tradisional sangat bergantung kepada sumber-sumber tersebut bagi mengembangkan tradisi tulis tempatan. Kelewatan peralihan dari sumber lisan kepada sumber tulis tidak wajar dijadikan sebab untuk menafikan pengetahuan silam masyarakat Melayu hingga digambarkan seolah-olah kemunculan tradisi tulis melonjak dari ruangan vakum yang mustahil.

Merujuk kepada kata-kata Dartford (1958: 1) yang berbunyi “*history really begins with written records. In Malaya, the historical period for which extensive written records exist goes back less than five hundred years*”, maka perlu dipertimbangkan kaedah hermeneutik yang sesuai untuk mentafsirkan sumber yang terhad. Meski sumber-sumber ini perlu melalui proses heuristik yang kompleks, namun usaha ke arahnya wajar diberi penekanan agar tidak diulang kesalahan yang sama, memandang rendah sumber sejarah tempatan yang bernilai secara sedar ataupun tidak.

Sumber manuskrip salasilah raja Brunei

Salasilah raja Brunei boleh didapati dalam beberapa bentuk; **pertama:** Sumber lisan turun temurun yang mencakupi sejumlah masyarakat tua Brunei, dan bukan Brunei, yang belum dipastikan bilangan mereka, **kedua:** Dokumen sejarah, dan **ketiga:** Batu bersurat. Seperkara yang wajar ditekankan ialah hubung kait antara sumber lisan, dokumen sejarah dan batu bersurat. Sumber lisan tidak dapat dilestarikan melainkan dengan cara menulis yang akhirnya melahirkan dokumen sejarah. Setiap hasil tulisan tersebut pula merupakan karya-karya tidak rasmi dari penulisnya, justeru batu bersurat mewakili pandangan rasmi pemerintah.

Kesimpulannya setiap sumber di atas adalah berkesinambungan, walaupun tidak semestinya mengikut urutan sebagaimana yang disebutkan. Jadi, dokumen sejarah serta batu bersurat, dalam konteks salasilah raja Brunei, sebenarnya merupakan manifestasi keutuhan sumber lisan sebelum abad ke 19 yang sirna.

Sekiranya sumber lisan sukar diukur tanpa melakukan kajian testimoni dan penelitian di lapangan, berbeza pula halnya dengan dokumen berupa manuskrip dan batu bersurat kerana ia sudah banyak didokumentasi, lalu menjadi korpus utama historiografi Brunei lebih seabad yang lalu. Antara versi yang dapat disenaraikan di sini seperti berikut:

Batu Bersurat	Manuskrip
Batu Tarsilah (1807)	Mss. Muzium Negara Malaysia (1820-1831)
	MS 25032, Library of the School of Oriental and African Studies (1865)
	MS 123, Library of the Royal Asiatic Society (1936)

Mss. Pusat Sejarah Negeri Brunei

Mss. Muzium Sarawak

Mss. Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Sabah

Kewibawaan versi-versi ini tidak susah untuk ditonjolkan kerana cukup jelas terlihat melalui kajian-kajian yang dibuat bermula Hugh Low (1880) dan beberapa lagi yang lain seumpama Amin Sweeney (1968), P.M. Shariffuddin & Abd. Latif Haji Ibrahim (1998), Annabel Teh Gallop (2019) dan Jelani Harun (2020).

Meninjau kandungan beberapa sumber di atas, dapat disimpulkan setiap sumber mempunyai gaya penceritaan tersendiri, namun hampir senada dalam mengungkapkan maklumat-maklumat sejarah yang utama. Versi yang paling ringkas ialah Batu Tarsilah kerana dibuat bukan semata-mata untuk mencatat salasilah, bahkan sebagai monumen rasmi yang melambangkan kedaulatan raja-raja Brunei sejak awal Islam. Lebih-lebih lagi, bagi mengukir tulisan pada seongkah batu yang besar dan keras, tidak semudah mengalirkan dakwat pada kertas. Oleh sebab itu ia mesti ringkas dan meliputi semua maklumat yang penting.

Tiga lagi manuskrip yang telah ditransliterasi oleh Amin (1968) dan Annabel (2019) masing-masing mengandungi penceritaan yang lebih panjang. Namun dari segi kualiti fizikal, MS 25032 dan MS 123 yang diselenggara oleh Amin lebih baik. Manuskrip selenggaraan Annabel (2019: 175) yang dibuat berpanduan salinan digital dari Henri Chambert-Loir telah mengalami kerosakan fizikal, justeru kondisinya tidak lengkap selain aspek perbincangannya kurang teratur. Penulisan mss. Muzium Negara Malaysia (MNM) sebenarnya lebih bersifat digresif (استطرادي) berbanding ingin mengekalkan urutan kronologi. Rujuk jadual di bawah.

Jadual 1: Aliran perbincangan mss. Muzium Negara Malaysia yang diselenggara oleh Annabel (2019)

No. Giliran	Nama Sultan	Tahun pemerintahan
12	Sultan Muhammad Ali	1660-1661
1	Sultan Muhammad	1363-1402
2	Sultan Ahmad	1408-1425
3	Sultan Berkat	1425-1432
4	Sultan Sulaiman	1432-1485
5	Sultan Bulqiya	1485-1524
7	Sultan Saiful Rijal	1533-1581
9	Sultan Hasan	1582-1598
12	Sultan Muhammad Ali	1660-1661
13	Sultan Abdul Mubin	1661-1673
14	Sultan Muhyiddin	1673-1690
10	Sultan Abdul Jalil al-Akbar	1598-1659

Catatan: Perbincangan Mss. Muzium Negara Malaysia (hlm. 3-8) yang memperlihatkan unsur digresif yang sangat jelas hingga kadang-kadang menyebabkan pengulangan topik. Turut didapati sebilangan raja Brunei tidak disebut perihal mereka seperti Sultan Abdul Kahar (6) yang memerintah antara 1524-1530 mungkin disebabkan keguguran teks.

Akan tetapi jika dinilai dari segi kandungan, maka manuskrip selenggaraan Annabel tidak kurang mutunya berbanding MS 25032 dan MS 123 yang diselenggara oleh Amin, kerana mewakili sumber alternatif, iaitu sumber Pengeran Kasuma yang kurang popular, namun diperkenalkan sebagai “*a very knowledgeable person on the intricacies of Brunei history*” oleh Mohd. Jamil al-Sufri (2002: 18). Ini menjadi bukti bahawa salasilah Raja Brunei tidak hanya datang dari satu laluan riwayat popular sahaja, iaitu Datuk Imam Ya’qub dan Haji Khatib Abdul Latif seperti yang didapati pada Batu Tarsilah dan manuskrip-manuskrip lain, malah terdapat riwayat kedua yang secara rasionalnya mampu menguatkan lagi riwayat popular tersebut.

Adapun yang disebut dalam MS 123 “*bahawasanya inilah salasilah raja-raja yang kerajaan di dalam negeri Brunei Darus Salam yang dinyatakan oleh Datuk Imam Aminuddin ibn Orang Kaya Di Gadong Lewadin*”, masih belum dipastikan kebenaran nama tersebut adakah asli ataupun sekadar kekeliruan penyalin antara nama Datuk Imam Ya’qub dengan Orang Kaya Di Gadong Awang Aminuddin seperti pandangan Amin (1968: 51). Hal ini wajar diletak dalam perhatian lanjut memandangkan sebilangan maklumat MS 123 mempunyai keunikan tersendiri. Perbezaan pandangan yang dicetuskan oleh MS 123 inilah antaranya yang telah menarik penyelidik sebagai contoh Mohd. Jamil al-Sufri (1992: 43, 46, 50) dan Johannes L. Kurz (2018) untuk membincangkannya secara serius dalam penerbitan mereka.

Jadual 2: Sesetengah perbezaan yang terdapat dalam setiap riwayat

	Batu Tarsilah	Mss. MNM	MS 25032	MS 123
Nasab Raja Brunei dari Rasulullah SAW	Al-Hasan	Al-Husayn	Al-Hasan	Al-Hasan
Isteri Sultan Muhammad Shah (1)	-	-	-	Saudara raja Cina dari Cina batangan
Identiti Sultan Ahmad	Patih Berbai	Patih Berbai	Patih Berbai	Ong Sum Ping
Leluhur Puteri Ratna Kesuma	Sultan Ahmad	Sultan Ahmad	Sultan Ahmad	Sultan Muhammad Shah
Nasab Sultan Muhyiddin	Anak Sultan Abdul Jalil al-Akbar	Anak Sultan Abdul Jalil al-Akbar	Anak Sultan Abdul Jalil al-Akbar	Anak Sultan Muhammad Ali
Hubungan Raja Tengah dengan Sultan Muhyiddin	Saudara	Saudara	Saudara	Sepupu

Mungkin isu nasab raja Brunei yang bertemu dengan Rasulullah SAW boleh ditinggalkan sementara waktu kerana menganggap kenyataan mss. MNM adalah kekeliruan penulis semata-mata. Kita akan kembali kepada perbincangan itu semula selepas ini. Tetapi isu yang lain menarik untuk disintesis sebelum dicerakin kepada tiga persoalan utama iaitu; pertama: Siapakah isteri Sultan Muhammad Shah? Kedua: Siapakah sebenarnya Sultan Ahmad? Seterusnya yang terakhir: Siapakah bapa Sultan Muhyiddin? Hakikatnya masih banyak perkara menarik yang diperolehi dari perbandingan manuskrip-manuskrip di atas, namun tidak sesuai dibincangkan dalam artikel ringkas ini.

Menurut MS 123, isteri Sultan Muhammad Shah (sebelum menjadi raja dikenali sebagai Awang Alak Betatar) adalah saudara raja Cina dari Cina batangan. Kehadiran baginda ke Johor bukan untuk memperisterikan puteri Johor (Tumasik), tetapi semata-mata untuk ditabalkan sebagai sultan Brunei. (Amin, 1968: 51-52) Fakta ini berbeza dengan salasilah yang disimpan oleh kerabat Diraja Brunei, Pengiran Di Gadong Sahibul Mal Pengiran Haji Muhammad Salleh yang berbunyi: “Bagindapun bergelar Sri Tri Buana, berbuat istana di Johor, beranakkan raja Johor dan seorang perempuan. Maka kemudian kedengaran khabar ada raja di negeri Brunei namanya Awang Alak Betatar, anak Sang Aji, dan wazirnya Patih Berbai. Baginda itu, maka dipanggil kedua-duanya ke Johor, maka dibuat menantu bernama Paduka Seri Sultan Muhammad di Johor dan Pateh Berbai jadi Bendahara Seri Maharaja”.

Menurut Mohd. Jamil al-Sufri (1992: 45), salasilah ini dipercayai mula dikumpul pada era Sultan Muhammad Hasan (1582-1598) dari tradisi lisan turun-temurun sebelum berada dalam simpanan kerabat Diraja Brunei hari ini. Sesuai dengan maklumat daripada salasilah ini, kenyataan *Batu Tarsilah* dan MS 25032 yang berbunyi: “maka adalah yang pertama kerajaan di negeri dan membawa agama Islam dan mengikut syariat Nabi kita Muhammad salla Allah ‘alayhi wa sallam, iaitu Paduka Seri Sultan Muhammad dan saudaranya Sultan Ahmad. Maka beranak seorang perempuan dengan isterinya saudara Raja Cina yang diambil dari pada Cina batangan ...” perlu difahami menerusi kaedah nahu terkenal *الأَصْلُ عَوْدُ الضَّمِيرِ عَلَى أَقْرَبِ مَذْكُورٍ* (ertinya: Asal (hukumnya), kata ganti nama perlu merujuk kepada kata nama terdekat). (al-Suyuti, 2008: 401) Disebabkan kekeliruan terjadi berpunca ayat “maka beranak ...” tidak menyebut subjek secara literal, adakah “*Sultan Muhammad*” yang disebut dahulu atau “*Sultan Ahmad*” yang disebut kemudian, dalam ayat sebelum, maka kaedah nahu menetapkan agar kata ganti nama “-nya” merujuk kepada Sultan Ahmad yang berkedudukan paling dekat dengan ayat. Begitu juga, hasil yang sama akan didapati sekiranya dianggap, secara hipotetikal, wujud angka “2” yang digunakan dalam *Batu Tarsilah* dan manuskrip seperti: “*iaitu Paduka Seri Sultan Muhammad dan saudaranya Sultan Ahmad² maka ...*”. Secara tidak langsung, penyelesaian ini turut mengidentifikasikan bahawa Sultan Ahmad adalah gelaran Pateh Berbai setelah menggantikan raja Abdul Majid Hasan yang lindung di China dan isteri Sultan Berkah merupakan puteri Pateh Berbai dengan adinda Ong Sum Ping dari Cina batangan yang bernama Puteri Ratna Kesuma.

Dengan itu, dua persoalan utama yang dinyatakan sebentar tadi telah terjawab. Sementara soalan ketiga mengenai nasab Sultan Muhyiddin, kekeliruan berlaku oleh sebab tiada kenyataan jelas tentang identiti ayahanda Sultan Muhyiddin melainkan mungkin dalam *Sha’er Rakis* yang dikaji oleh Dato Paduka Hj. Md. Jamil (1965). *Batu Tarsilah*, mss. MNM dan MS 25032 rata-rata menyatakan baginda anak saudara kepada Sultan Muhammad Ali. MS 123 menjadi satu-satunya sumber yang bukan hanya mengatakan Sultan Muhyiddin anak

kepada Sultan Muhammad Ali, bahkan mendakwa baginda jugalah yang bertanggungjawab membunuh anak bendahara Abdul Hak.

MS 123	<i>Kemudian naik kerajaan pula Seri Sultan Muhiuddin, ialah Pengeran Bendahara Bongsu, ialah raja yang ke tiga belas di dalam Berunai, anak kepada Sultan Muhammad Ali ...</i>	hlm. 10
	<i>Sebermula adalah sebab di dalam Berunai beraja dua asalnya sebab anak Sultan Muhammad Ali yang bernama Pengeran Bongsu. Pada masa itu ia membunuh anak Pengeran Bendahara Abdul Hak ...</i>	hlm. 11


Tetapi bagi pengkaji, selain kenyataan MS 123 berbeza dengan kenyataan sumber-sumber yang lain, ia juga seolah-oleh kontradik dengan kemunasabahan tindakan Abdul Hak yang mengangkat Pengeran Bongsu (Sultan Muhyiddin menurut riwayat MS 123), anak kepada Sultan Muhammad Ali yang telah membunuh anaknya, sebagai Pengeran Bendahara Seri Maharaja Permai Sura. Lebih janggal lagi, baginda yang bergelar Sultan Abdul Mubin, yang sebelum itu bersungguh-sungguh ingin membunuh Pengeran Bongsu, akhirnya mempercayai orang yang telah membunuh anaknya untuk berpindah ke Pulau Chermin dan membiarkannya menguruskan sendirian hal ehwal istana di Brunei.

MS 123	<i>Maka apabila anak Sultan Muhammad Ali (Pengeran Bongsu) itu melihat Pengeran Bendahara (Abdul Hak) masuk mencari, maka ia pun lalu terjun di sebelah darat, tiada kelihatan kepada Pengeran Bendahara ... Apabila tiadalah didapati anak raja itu di dalam istana, maka Pengeran Bendaharapun membunuhlah di dalam istana itu, mana barang dijumpainya habis dibunuhnya. Ada yang luka sahaja, mana sempat lari, tiada lari mati ...</i>	hlm. 12
	<i>Kemudian ia pun menggelar dirinya Sultan Abdul Mubin. Maka tetaplah ia sudah menjadi raja di dalam Berunai. Maka tiada berapa lama ia pun menggelarkan Pengeran Bongsu, anak kepada Sultan Muhammad Ali yang telah membunuh anaknya itu, digelar Pengeran Bendahara Seri Maharaja Permai Sura ...</i>	hlm. 13
	<i>Maka Sultan Mubin pun mengeluarkan titah, "Apa khabar Pengeran Bendahara? Jawabnya, "khabar baik² tuanku". Maka berdatang sembahlah bendahara, sembahnya, "Ya tuanku, sekarang apalah jua hal di dalam Berunai ini terlalu sangat di dalam kesusahan ... terlebih baik duli tuanku dijunjong berpindah ke Pulau Chermin kerana tempat itu terlalulah baik ...</i>	hlm. 16

Kejanggalan ini tidak akan terjadi jika kita mengandaikan sekurang-kurangnya Pengeran Bongsu yang telah membunuh anak Pengeran Bendahara adalah individu yang berbeza dengan Sultan Muhyiddin, yang dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan isu pemberontakan di Brunei semasa Sultan Abdul Mubin tinggal di Pulau Chermin. Dengan cara itu, maka akan difahami bahawa Sultan Muhammad Ali mempunyai anak lain yang telah melakukan jenayah dan Sultan Abdul Mubin merupakan sepupu beliau dari Sultan Abdul Jalil

al-Akbar. Dengan itu juga, turut difahami hubungan Raja Tengah dengan Sultan Muhyiddin adalah saudara dari bapa yang sama. Maka dua isu terakhir dapat dijelaskan melalui dapatan ini.

Perlu disebutkan, keempat-empat sumber yang dibincangkan di atas tidak hanya memfokuskan soal nasab semata-mata. Terdapat tujuan lain daripada penghasilan karya yang akhirnya menyebabkan perbezaan sedikit sebanyak isi kandungan iaitu; (i) rujukan nama-nama sultan Brunei, (ii) mencatat sejarah dan (iii) merekodkan istiadat istana Brunei sejak Sultan Hasan yang memerintah antara 1582-1598. Mengenai ini, sila dirujuk rajah berikut:



Dapat difahami, berdasarkan rajah, hanya mss. MNM dan MS 123 berkongsi tujuan yang sama lantas kedua-duanya menyebutkan perihal perang Kastila-Brunei dan rampasan kuasa oleh Sultan Abdul Mubin hingga terjadi pergolakan dalaman antara tahun 1660-1673. Batu Tarsilah dan MS 25032 menunjukkan kemiripan teks yang sangat jelas mengenai salasilah sultan dan kedua-duanya kelihatan tidak mengiktiraf kerajaan Sultan Abdul Mubin menyebabkan nama beliau digugurkan. Justeru dari segi giliran, Sultan Muhyiddin dianggap sultan Brunei yang ke 13 (setelah mengenepikan satu lagi nama, iaitu Sultan Abdul Majid Hasan, anak Sultan Muhammad Shah yang lindung di China atas faktor yang masih kurang jelas). Sekiranya jelas masalah ini, maka tidak menjadi masalah bagi kita soal graf nasab yang masih dilihat kurang lengkap, selain menuntut kajian lanjutan.

KAITAN RAJA-RAJA BRUNEI DENGAN AHL AL-BAYT

Mohd. Jamil al-Sufri melalui bukunya yang berjudul *Tarsilah Brunei* (1990) membincangkan secara panjang lebar isu kaitan antara raja-raja Brunei dengan kerabat Rasulullah s.a.w. yang dipanggil *ahl al-bayt*. Isu ini berkait rapat dengan kenyataan pada Batu Tarsilah dan sumber-sumber manuskrip yang lain yang mencatatkan:

*Maka puteri itulah yang diambil oleh Sharif 'Ali yang turun dari negeri Ta'if. Muka
Maka Sharif Ali itulah kerajaan dinamakan dia Paduka Seri Sultan Barakah. Ialah hadapan
yang mengeraskan syariat Rasul Allah salla Allah 'alayhi wa sallam dan berbuat
masjid dan segala rakyat Cina berbuat Kota Batu. Tuan Sharif 'Ali itu pancir
silsilah daripada Amir al-Mu'minin Hasan, cucu Rasul Allah. (Batu Tarsilah)*

<i>Maka puteri itulah diambil Sharif 'Ali akan isteri. Maka Sayyid Syarif Ali itulah kerajaan dinamai Paduka Seri Sultan Berkat, ialah mengeraskan syariat Rasul Allah salla Allah 'alayhi wa sallam dan berbuat masjid dengan segala rakyat Cina dan berbuat Kota Batu. Adapun Sayyid Syarif Ali pancar daripada silsilah Amir al-Mu'minin Husain Radiya Allah 'anhu, cucu Rasul Allah. (Mss. MNM)</i>	hlm. 4
<i>Maka puteri itulah diambil oleh Sharif 'Ali yang turun dari negeri Ta'if. Maka Sharif 'Ali itulah kerajaan, dinamai akan dia Paduka Seri Sultan Barakah dan ialah mengeraskan syariat Rasulullah salla Allah 'alayhi wa sallam dan berbuat masjid dan segala rakyat hina berbuat Kota Batu. Maka Sharif 'Ali itu pancar silsilah daripada Amirul Mu'minin Hasan, chuchu Rasulullah. (MS 25032)</i>	hlm. 2
<i>Maka tiada berapa lamanya, masoklah seorang Arab yang bernama Sharif Ali Ba faqih ke dalam Berunai, yang turun dari negeri Ta'if. Adalah sharif itu panchir daripada Amirul Mu'minin Hasan, chuchu Rasulullah salla Allah 'alayhi wa sallam. Maka tiada berapa lamanya Sharif Ali itu di dalam negeri Berunai, iapun berbini anak Sultan Ahmad ini, maka lalu dikahwinkanlah sebagaimana mengikut adat raja² pada masa itu. Maka Sharif Ali inilah mendirikan agama Islam dan mengeraskan shari'at nabi kita Muhammad salla Allah 'alayhi wa sallam di dalam Berunai, dan membuatkan masjid. (MS 123)</i>	hlm. 5

Sebagaimana dilihat, kedatangan Sharif Ali yang dikatakan berketurunan Rasulullah s.a.w. dari semenanjung Arab ke alam Melayu adalah fakta tradisi yang diterima luas. Beliau dikatakan telah melaksanakan undang-undang syariat dan membina masjid (dengan kata lainnya menentukan arah kiblat secara rasmi) di samping membangunkan Kota Batu bersama rakyat Cina (Menurut Amin (1968: 11), perkataan “hina” pada MS 25032 berkemungkinan kesalahan penulis atau penyalin dan perkataan asal ialah “Cina” seperti yang terdapat dalam sumber-sumber lain). Meskipun belum ditemui bukti yang empirik mengenai identiti Sharif Ali, namun kajian Mohd. Jamil al-Sufri (1990: 93-103) menunjukkan terdapat berbagai-bagai kemungkinan salasilah raja Brunei dikaitkan dengan kerabat Rasulullah s.a.w. Sesetengahnya malah sudah menjadi kepercayaan masyarakat di alam Melayu.

Bagi menyimpulkan hasil penyelidikan beliau, boleh dikatakan terdapat sekurang-kurangnya enam kemungkinan yang mengaitkan Sultan Sharif Ali dengan al-Hasan ibn 'Ali r.a. Di sini kita harus kembali kepada perbezaan antara kenyataan sumber-sumber salasilah di atas dengan mss. Muzium Negara Malaysia (Mss. MNM). Hanya sumber yang terakhir inilah (setakat diketahui) mendakwa Sultan Sharif Ali berasal daripada nasab al-Husayn ibn 'Ali r.a. Bagi sesetengah pihak, mungkin kesalahan ini terjadi semasa proses penulisan semata-mata, namun bagi pengkaji ia lebih besar dari itu. Kemungkinan riwayat ini adalah kekeliruan penulis, Pengeran Kasuma, antara salasilah yang berpunca dari Sharif Ali dengan salasilah puteri Johor yang dikahwini Sultan Muhammad Shah.

Salasilah raja Brunei sebenarnya sampai kepada ahl al-bayt melalui dua jalan, pertama melalui al-Husayn r.a. dan yang kedua melalui al-Hasan r.a. Kedua-duanya turun dari perkahwinan 'Ali ibn Abi Talib r.a. dengan Fatimah ibnt Muhammad s.a.w. Salasilah yang bertemu dengan al-Husayn datang dari perkahwinan Sultan Muhammad Shah dengan puteri Johor, kerana nasab puteri Johor sampai kepada Puteri Ratna Kumala, isteri Sultan Iskandar Shah Tumasik, seterusnya kepada Merah Bahrum yang bersaudara dengan Puteri Khudaiwi,

kerabat Diraja Perlak yang berkahwin dengan ‘Ali al-Mu’tabar ibn Muhammad al-Akbar al-Dibaj ibn Ja’far al-Sadiq. Kewujudan individu bernama ‘Ali ibn Muhammad al-Dibaj ini dapat dibuktikan menerusi kata-kata al-Sayyid ‘Aziz al-Din dalam buku yang berjudul *al-Fakhri fi Ansab al-Talibiyyin* (1989: 27): *أَمَّا مُحَمَّدُ الْأَكْبَرُ الْمَأْمُونُ الدِّبَاجُ ابْنُ جَعْفَرِ الصَّادِقِ، فَقَعْبُهُ مِنْ ... وَالْحُسَيْنِ الْأَكْبَرِ*, namun mengenai salasilah beliau dengan kerabat Diraja Perlak tidak disebutkan, mungkin kerana hubungan itu tidak sampai ke pengetahuan penulis.

Hanya MS 123 yang secara literal menafikan perkahwinan puteri Johor dengan Awang Alak Betatar, sementara sumber-sumber lain tidak mencatatnya secara jelas. Menurut salasilah yang disimpan oleh kerabat Diraja Brunei, Pengiran Di Gadong Sahibul Mal Pengiran Haji Muhammad Salleh, Awang Alak Betatar yang dijemput ke wilayah kerajaan Johor Tua pada akhir 1360-an telah berkahwin dengan puteri Johor, anak Sultan Iskandar Shah di Tumasik. Meskipun agak jauh, namun melalui perkahwinan itulah kerabat Diraja Brunei pertama kali dimuliakan dengan nasab ahl al-bayt secara *musaharah* (perkahwinan). Namun tidak dinafikan masih ada kemungkinan salasilah Sharif Ali sampai kepada al-Husayn r.a. tidak melalui nasab puteri Johor apabila sesetengah masyarakat mengaitkannya dengan keturunan al-‘Alawiyyah, akan tetapi pengkaji tidak menyentuh pandangan ini disebabkan bercanggah dengan kebanyakan sumber manuskrip dan batu bersurat (selain mss. MNM).

Kali kedua melalui Sharif Ali dari Ta’if yang berkahwin dengan puteri Sultan Ahmad yang bernama Puteri Ratna Kesuma. Hubungan ini menjadi hubungan darah bermula Sultan Sulaiman yang bertakhta pada 1432 hinggalah ke Seri Paduka Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pewaris takhta Brunei hari ini. Agak sukar untuk memastikan identiti sebenar dan nasab Sultan Sharif Ali kerana keterputusan sumber antara Timur Dekat dan Timur Jauh, namun berdasarkan kajian Mohd. Jamil al-Sufri yang diterbitkan oleh Pusat Sejarah Brunei pada 1992, beliau berjaya mencadangkan beberapa kemungkinan. Tiga daripada kemungkinan itu mengatakan salasilah baginda melalui al-Sayyid ‘Abd al-Qadir al-Jaylani sebelum sampai kepada al-Hasan r.a., sementara tiga kemungkinan lagi tidak melalui beliau.

Ketiga-tiga kemungkinan yang menghubungkan nasab Sharif Ali dengan al-Sayyid ‘Abd al-Qadir al-Jaylani bersumberkan; (i) Muhammad Kabir bin Mauluie Muhammad Wazir bin Sayyid Shah Muhammad Wajib (selepas ini dikenali sebagai S1), (ii) Ibrahim ‘Abd al-Ghani al-Darubi (S2) dan (iii) al-Sayyid Tahir ‘Ala’ al-Din al-Qadiri (S3). Manakala tiga sumber lagi yang tidak menghubungkannya dengan al-Sayyid ‘Abd al-Qadir, bahkan terus kepada al-Hasan r.a.; (i) al-Sayyid Muhammad Zabarah (S4), (ii) al-Sharif Sultan ibn al-Sharif ‘Ali (S5) dan (iii) al-Hafiz Muhammad ibn Ja’far al-Kattani (S6). Sesetengah sumber ini bertulis, bahkan ada di antaranya telah diterbitkan, dan sebilangan lagi dalam bentuk testimoni hinggalah Mohd. Jamil menerbitkan kajiannya pada tahun 1990.



Rajah 3: Beberapa kemungkinan salasilah nasab Sultan Sharif Ali

Merujuk rajah 3 di atas, dapat dilihat terdapat 4 jalur nasab yang menghubungkan Sultan Sharif Ali kepada ‘Abd Allah ibn al-Hasan al-Muthanna ibn al-Hasan ibn ‘Ali ibn Abi Talib. Ketiga-tiga sumber yang mengaitkannya dengan nasab al-Sayyid ‘Abd al-Qadir al-Jaylani dapat dicantumkan menjadi nasab jalur 1 di atas. Tetapi jalur nasab ini menunjukkan kelemahan dalam menjelaskan bagaimana keluarga al-Sayyid ‘Abd al-Qadir al-Jaylani boleh tinggal di Ta’if sebelum Sharif Ali datang ke alam Melayu, kerana setiap riwayat Batu Tarsilah dan manuskrip bersepakat bahawa tokoh ahl al-bayt tersebut datang dari Ta’if sedangkan al-Sayyid ‘Abd al-Qadir al-Jaylani lahir di Jaylan, Iraq dan tinggal di kota Baghdad. Sehubungan itu, S3 menyebut setelah Tamerlane menduduki Baghdad pada abad ke 14M, ramai telah berhijrah ke merata tempat dan di antara mereka ialah anak Ahmad Burhanuddin yang bernama Ali Hasan.

Tetapi dalam menjelaskan penghijrahan ini, penerangan S3 (1990: 96) agak mengelirukan kerana katanya seorang anak Ahmad Burhanuddin yang bernama Hasan Shamsuddin telah berhijrah ke Hijaz dan berkahwin di sana, sementara Ali berpindah ke alam Melayu. Jika begitu, bermakna bukan Ali yang berasal dari Hijaz (wilayah yang mencakupi Mekah, Madinah dan Ta’if), tetapi saudaranya yang bernama Hasan Shamsuddin? S2 (1990: 96) tidak menjelaskan bagaimana perpindahan terjadi, namun menyebut sebahagian keluarga ‘Abd al-Wahhab ibn ‘Abd al-Qadir al-Jaylani tinggal di Mekah dan Ta’if. Sesetengah daripada keluarga inilah dikatakan telah belayar ke India dan Malaya, seperti Ibrahim Ablak ibn ‘Ali Ahmad ibn ‘Abd al-Qadir. Dikatakan mereka menjadi pemimpin tarekat, sultan dan pembesar di Timur Jauh. Akan tetapi menurut nasab yang dinyatakan S3 dan S2, ternyata ‘Ali ibn Ahmad Burhanuddin ibn ‘Abd al-Qadir bukan dari keluarga ‘Ali Ahmad dan Ibrahim Ablak kerana Ahmad Burhanuddin merupakan saudara kepada ‘Ali Ahmad. Sekali lagi penjelasan kaitan antara nasab Sultan Sharif Ali dengan al-Sayyid ‘Abd al-Qadir al-Jaylani menampakkan kelemahan.

Mohd. Jamil (1990: 97) berkata jalur nasab 2 berasal dari salasilah al-Sharif Sultan ibn al-Sharif ‘Ali yang tinggal di Ta’if. Beliau merupakan pemilik nasab yang bertemu dengan nasab Sharif Ali pada leluhurnya yang bernama al-Hasan atau ‘Ajlan. Di sini terdapat dua kemungkinan yang disebutkan, sama ada ‘Ali ibn al-Hasan ibn ‘Ajlan ibn Rumaythah, ataupun ‘Ali ibn ‘Ajlan ibn Rumaythah. Kelihatan terdapat dua individu yang bernama ‘Ali dan hubungan antara kedua-dua mereka adalah bapa saudara dan anak saudara. Berdasarkan pembacaan terhadap sumber-sumber sejarah dan biografi, ternyata kedua-dua individu memang wujud dan terlibat langsung dengan politik di kota Mekah, tetapi telah mati. Salah seorang terbunuh dan seorang lagi semasa di dalam penjara di Timur Tengah tanpa sempat keluar ke mana-mana. Justeru nasab ini juga dianggap tidak sesuai.

Antara jalur nasab 3 dan 4, Mohd. Jamil (1990: 119-120) dilihat lebih cenderung memilih yang ke-3, sehubungan itu beliau memuatkan jalur tersebut di dalam buku terbitannya. Kita akan kembali mengulas akan hal ini kemudian. Apa yang perlu disebutkan, nasab 4 meskipun tidak dipilih, namun termasuk antara jalur nasab yang dipercayai sesetengah pihak. Seorang kerabat Diraja Brunei bernama Abang Jus bin Abang Haji Sidek dikatakan menyimpan azimat berupa salasilah bertulis nama “Yahya ibn Yahya”. Nama ini dapat dikaitkan dengan jalur nasab 4 yang disebutkan al-Hafiz Muhammad ibn Ja’far al-Kattani di dalam bukunya yang berjudul *مَنَاقِبُ الْكَتَّانِي* seperti yang tertera pada rajah 3. (Mohd. Jamil al-Sufri, 1990: 100)

Jalur 3 dianggap jalur paling munasabah setakat ini menurut apa yang dikumpul oleh al-Sayyid Ahmad ibn Ghalib al-Kazim dari Yaman. Cadangan nasab yang merekodkan nama ‘Ali ibn Muqaddam ibn ‘Ali ibn al-Humam ini menjadi pandangan rasmi Pusat Sejarah Brunei. Dari salasilah ini, dapat difahami beberapa perkara seperti; Sharif Ali berasal dari Yaman sebelum keluarga baginda berhijrah ke Ta’if dan menetap di sana. Tanpa mengambil kira beberapa hal mengenai pernikahan Sharif Ali dengan puteri raja sebelum berhijrah ke alam Melayu (Mohd. Jamil al-Sufri, 1990: 101) baginda dipercayai belayar dengan membawa sebilah pedang pesaka, terkenal dengan gelaran “Si Bongkok” yang sehingga kini menjadi warisan dan salah satu alat kebesaran Diraja yang digunakan semasa istiadat Berpuspa. (Mohd. Jamil al-Sufri, 2002: 66, 306, 733)

Antara hujah yang turut menguatkan nasab di atas ialah pengetahuan masyarakat Brunei tentang leluhur Sharif Ali yang bernama “Muqaddam”. Tetapi seperti kebiasaan pengetahuan kolektif rakyat biasa yang tidak begitu terperinci, tetapi menjiwai politik, adat resam setempat, tidak jelas pada awalnya adakah “Muqaddam” itu bapa, atau datuk, atau moyang kepada Sharif Ali sehinggalah nasab ini diperkenalkan oleh Mohd. Jamil al-Sufri. (1990: 118)

BATU TARSILAH SEBAGAI ALAT KEBESARAN DAN KEDAULATAN

Berdasarkan apa yang telah dibincang sebelum ini, ternyata sumber-sumber historiografi Brunei sangat bernilai dari segi kandungan kerana merupakan tradisi yang diperturun dari satu generasi ke satu generasi tanpa terputus. Sumber-sumber tradisi inilah yang dikenali dalam bahasa Arab sebagai *تراث*, namun keunikan setiap satu daripadanya menyebabkan sumber-sumber ini perlu dinilai secara bersama. Pendekatan analisis komparatif dan kritikan konteks perlu dibuat kerana perlu diakui setiap sumber sastera (*literary evidence*) khususnya yang

berasal dari tradisi lisan tidak dapat berdiri sendiri atau dipertanggungjawabkan seadanya. Malah ia mestilah ditafsir berdasarkan kaedah hermeneutik yang tepat.

Benar, masih boleh dipersetujui setakat kenyataan Robert Nicholl (1989: 177) yang mendakwa: *“Folklore must however be handled with care, for its uncritical acceptance can lead to embarrassment”*, tetapi harus diingat, bukti sejarah (*historical evidence*) juga perlu dinilai secara saksama berdasarkan konteks politik dan ekonomi waktu itu, terutama apabila terdapat kemungkinan pertembungan kepentingan antara dua pihak yang sedang bertelagah. Oleh sebab itu, pendekatan ini memerlukan pengalaman yang secukupnya dengan sumber-sumber sejarah, termasuk yang dalam kategori sastra, kerana pengalaman cetek dengan sumber-sumber yang sensitif ini cenderung menyebabkan penyelidik membina persepsi yang salah dan dangkal tentang historiografi sesuatu bangsa.

Dengan pandangan ini dalam minda, kita akan melihat sumber-sumber sejarah Brunei, terutamanya Batu Tarsilah, sebagai produk zaman yang membawa erti yang sangat besar bagi kita, masyarakat Melayu. Ia bukan sekadar satu wacana ilmu yang disebut-sebut, malah turut memperkukuh tanggapan serta keyakinan masyarakat tentang Islam dan kedaulatan raja-raja Melayu. Namun sudah tentu prinsip dan teknikalitinya perlu dihayati terlebih dahulu. Justeru artikel ini dibuat bagi menunjuk jalan bagaimana salah satu bukti ilmu nasab Islam yang dipanggil *istifadah* (استيفاضة) berfungsi bersama-sama pendekatan yang kritis. Dalam metodologi ilmu Islam, *istifadah* atau *shuhrah* (شُهْرَة) boleh dianggap salah satu bukti yang penting untuk dipertimbangkan. Bagaimana mengukur serta meletakkan dalam jangkaan yang tepat, merupakan satu persoalan yang lain yang wajar dibahaskan semula, tetapi asas kepada pertimbangan ini harus kita hayati terlebih dahulu.

Harus difikirkan kenapa monumen seperti Batu Tarsilah itu dibuat? Memang benar secara literal, ia sudahpun tersurat: *“supaya diketahui oleh segala anak cucunya”*, namun dengan usaha yang dicurahkan bagi mengukir maklumat-maklumat di atas seongkah batu besar dan keras, seawal zaman itu, dan setelah wujud versi-versi bertulis di atas kertas, tidakkah itu satu hal yang menakjubkan untuk direnungkan bersama? (Pandangan ini mengambil kira kemungkinan besar teks salasilah raja Brunei telahpun ditulis sebelum Batu Tarsilah (2 Zulhijjah 1221H/10 Februari 1807M). Meskipun belum ditemui teks yang lebih awal, akan tetapi berdasarkan nama-nama yang disebutkan, seperti Sultan Muhyiddin (abad ke 17) dan Sultan Kamaluddin (abad ke 18), menunjukkan ia ditulis lebih awal dari itu, lalu, batu bersurat hanyalah salah satu versi yang muncul lebih kemudian dan atas tujuan rasmi kerajaan. Amin Sweeney (1998, hlm. 168) termasuk salah seorang yang percaya bahawa terdapat versi kertas sebelum dicipta Batu Tarsilah, ujar beliau: *“It seems rather more likely that the silsilah would be written on paper before being committed to stone”*) Kesanggupan dan usaha inilah yang tidak dapat difahami semata-mata dengan apa yang tersurat. Bahkan ia menjangkau limitasi sains untuk menjelaskannya dengan nombor dan kata-kata. Tiada pihak yang mampu memahaminya melainkan masyarakat Brunei dan orang Melayu sendiri yang percaya kepada konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

Bagi mentafsirkan hal ini, wajar disorot kenyataan pada Batu Tarsilah: *“Tuan Sharif ‘Ali itu pancir silsilah daripada Amir al-Mu’minin Hasan, cucu Rasul Allah”*. Telah dijelaskan, kenyataan ini termasuk kenyataan yang diulang-ulang dalam setiap versi salasilah raja Brunei tanpa terkecuali. Jikapun terdapat perbezaan, namun ia hanyalah pada penentuan identiti siapakah cucu Rasulullah s.a.w. yang dimaksudkan. Batu Tarsilah, MS 25032 dan MS

123 mengatakan al-Hasan sementara mss. MNM mengatakan al-Husayn. Justeru dipercayai kata-kata ini sangat penting dan ia menyimpan tujuan tertentu yang tidak terungkap. Sebutan kepada nama-nama raja Brunei setelah itu juga menjadi amat cepat dan berturut-turut, tanpa diselangi keterangan *digression* yang panjang, besar kemungkinan demi mengaitkan semua mereka dengan kenyataan “*pancir silsilah ...*” di atas.

Namun apakah mungkin tujuan tersebut dan bagaimana untuk mengetahuinya? Untuk itu harus disalami sedikit sebanyak hukum Islam berkenaan kepimpinan bangsa Quraysh. Oleh sebab mazhab agama Islam yang dipengang oleh bangsa Melayu di Nusantara ialah mazhab Syafi’i, Sultan Sharif Ali bin Muqaddam yang datang dari Yamanpun bermazhab Syafi’i (Mohd. Jamil al-Sufri, 1990: 118), begitu juga rata-rata rakyat Brunei hari ini bermazhab Syafi’i, maka akan difokuskan perspektif ulama-ulama al-Shafi’iyyah dalam hal ini, terutamanya Imam al-Shafi’i r.h. dalam *Kitab al-Umm*. Tetapi siapakah Quraysh dan apa hubungan mereka dengan raja-raja Brunei? Lebih-lebih kenapa nama mereka dilihat sangat penting hingga wajar ditimbulkan di sini?

Quraysh merupakan satu bangsa dari kalangan Arab yang lahir di kota Mekah dan mendominasi kota suci itu sejak zaman berzaman. Terdapat dua pandangan mengenai individu yang digelar Quraysh, antara al-Nadr ibn Kinanah dan Fihri ibn Malik ibn al-Nadr. Hubungan antara kedua-duanya ialah datuk dan cucu. Tetapi pandangan yang tepat ialah al-Nadr ibn Kinanah, iaitu sang datuk, dan pandangan itu merupakan pandangan al-Shafi’iyyah. Ibn Khaldun (2000, jil. 2: 387) menjelaskan sebab terjadi perbezaan pandangan dengan berkata:

وَالنَّضْرُ هُوَ الَّذِي يُسَمَّى قُرَيْشًا ... وَإِنَّمَا انْتَسَبُوا إِلَى فِهْرٍ لِأَنَّ عَقَبَ النَّضْرِ مُنْحَصِرٌ فِيهِ لَمْ يُعَقَّبْ مِنْ بَنِي النَّضْرِ غَيْرُهُ.

Bermaksud: al-Nadr itulah yang digelar Quraysh ... Bagi mereka yang mengatakan Fihri kerana keturunan al-Nadr didominasi oleh keturunan Fihri, tiada dari kalangan al-Nadr yang melahirkan keturunan yang ramai melainkan Fihri.

Seperti yang dikatakan, bangsa Quraysh inilah yang mendominasi kota Mekah, tetapi yang menjadi pemimpin mereka ialah bani Hashim, iaitu satu kelompok kecil daripada Quraysh. Dari kelompok inilah lahir Rasulullah s.a.w. dan sepupu Baginda, ‘Ali ibn Abi Talib. ‘Abd Manaf yang merupakan bapa Hashim mempunyai tiga orang anak lagi selain Hashim, iaitu al-Muttalib, ‘Abd Shams dan Nawfal. Oleh sebab hubungan erat antara Hashim dan al-Muttalib sejak zaman Jahiliyyah lagi, maka kedua-dua mereka dari segi hukum Fiqh dianggap ahl al-bayt (keturunan Rasulullah s.a.w.), sementara ‘Abd Shams dan Nawfal tidak.

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (2002: 774 (no. 3140)), Baginda s.a.w. bersabda: *إِنَّمَا بَنُو الْمُطَّلِبِ وَبَنُو هَاشِمٍ شَيْءٌ وَاحِدٌ* (maksudnya: *Sesungguhnya bani al-Muttalib dan bani Hashim adalah satu*). Jubayr ibn Mut’im berkata: *لَمْ يَقْسِمِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِبَنِي عَبْدِ شَمْسٍ وَلَا لِبَنِي نَوْفَلٍ*. (Rasulullah s.a.w. tidak memberikan bahagian ahl al-bayt (dari harta peperangan) kepada bani ‘Abd Shams dan bani Nawfal). Tindakan Baginda yang membahagikan *khumus* (yakni 1/5) harta rampasan perang kepada ahl al-bayt dan tidak kepada bani ‘Abd Shams dan bani Nawfal adalah menurut hukum syarak yang ditentukan Allah s.w.t. berkenaan nasab ahl al-bayt. Lebih-lebih lagi ahl al-bayt tidak layak menerima

zakat dan sedekah, justeru pembahagian harta rampasan perang adalah ganti kepada hukum yang dilarang ke atas mereka.

Dengan itu, sudah diketahui tentang Quraysh dan hubungan mereka dengan ahl al-bayt. Adapun kepemimpinan umat Islam yang dikatakan khas bagi bangsa Quraysh itu adalah pandangan Sunni, sementara orang-orang Syi'ah mengkhususkan *imamah* kepada ahl al-bayt sahaja. Terdapat perbezaan yang jelas antara kedua-dua pandangan.

Tentang kepemimpinan dari kalangan Quraysh, pada dasarnya tiada beza antara mazhab Syafi'i dengan mazhab-mazhab Sunni yang lain, seperti mazhab Hanafi, Maliki, Hambali, malah Zahiri sekalipun. Ijma' ini terjadi disebabkan beberapa hadis marfu' yang diriwayatkan oleh Ahmad (2009, jil. 4: 487 (no. 19798)): *الْأَيْمَةُ مِنْ قُرَيْشٍ* (pemimpin-pemimpin itu dari kalangan Quraysh), serta al-Bukhari (2002: 865 (no. 3490)) dan Muslim (2006: 882 (no. 1818)): *الْأَنْبِيَاءُ تَتَّبِعُ لِقُرَيْشٍ فِي هَذَا الشَّأْنِ، مُسْلِمُهُمْ تَتَّبِعُ لِمُسْلِمِهِمْ وَكَافِرُهُمْ تَتَّبِعُ لِكَافِرِهِمْ* (Semua manusia menjadi pengikut bangsa Quraysh tentang hal ini. Muslim dari kalangan mereka akan mengikut muslim dari kalangan Quraysh, sedang kafir dari kalangan mereka akan mengikut kafir dari kalangan Quraysh). Tidak sedikit ulama Islam yang mengatakan hadis ini sahih. Malah ramai juga yang tertarik mengkaji dan mengumpulkan riwayatnya seperti al-Bukhari dalam *Sahih*-nya, Ibn Abi Shaybah dalam *Musannaf*, hingga Imam Ibn Hajar al-'Asqalani menulis sebuah buku khusus berjudul *Laddhat al-'Aysh* bagi mengumpulkan sanad-sanad hadis tersebut yang pelbagai.

Ekoran daripada terkenalnya riwayat ini, sukar didapati perbezaan pendapat, melainkan pada aspek interpretasi sahaja. Imam al-Shafi'i di dalam bukunya *al-Umm* (jil. 2: 309-313) telah meriwayatkan banyak hadis dengan makna yang serupa, bagi memperlihatkan pandangan beliau tentang hal ini. Tidak hairanlah dua orang tokoh mazhab Syafi'i yang terkenal seperti al-Mawardi dan al-Nawawi juga berpegang dengan pendapat yang sama. Al-Mawardi (2006: 20) menolak pandangan Dirar al-Mu'tazili yang mencari ijma' dengan berkata: *وَلَا اعْتَبَارَ بِضَرَارٍ جِبْنَ شَدَّ فَجَوَزَهَا فِي جَمِيعِ النَّاسِ* (Ertinya: Tidak perlu dipedulikan pandangan Dirar yang ganjil apabila membenarkannya kepada semua manusia). Al-Nawawi (1994, jil. 12: 277) pula berkata: *وَبَيَّنَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ هَذَا الْحُكْمَ مُسْتَمِرٌّ إِلَى آخِرِ الدُّنْيَا مَا بَقِيَ مِنَ النَّاسِ اثْنَانِ* (Rasulullah s.a.w. berkata hukum hadis ini akan terus berjalan hingga ke akhir zaman selagi masih tinggal dari kalangan manusia dua orang).

Mungkin al-Nawawi agak literal dalam permasalahan ini hingga kelihatan superlatif, Kenyataan Ibn Hajar al-'Asqalani (2001, jil. 13: 126) mungkin boleh menjelaskan dengan lebih baik apabila beliau berkata:

وَيَحْتَمِلُ أَنْ يَكُونَ بَقَاءُ الْأَمْرِ فِي قُرَيْشٍ فِي بَعْضِ الْأَقْطَارِ دُونَ بَعْضٍ، فَإِنَّ بِالْبَلَادِ الْيَمَنِيَّةِ وَهِيَ النُّجُودُ مِنْهَا طَائِفَةٌ مِنْ ذُرِّيَّةِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ لَمْ تَزَلْ مَمْلُوكَةً تِلْكَ الْبِلَادِ مَعَهُمْ مِنْ أَوَاخِرِ الْمِائَةِ الثَّالِثَةِ. وَأَمَّا مَنْ بِالْحِجَازِ مِنْ ذُرِّيَّةِ الْحَسَنِ بْنِ عَلِيٍّ وَهُمْ أَمْرَاءُ مَكَّةَ وَأَمْرَاءُ يَنْبُعَ وَمِنْ ذُرِّيَّةِ الْحُسَيْنِ بْنِ عَلِيٍّ وَهُمْ أَمْرَاءُ الْمَدِينَةِ ... الَّذِي فِي مِصْرَ لَا شَكَّ فِي كَوْنِهِ قُرَشِيًّا لِأَنَّهُ مِنْ ذُرِّيَّةِ الْعَبَّاسِ، وَالَّذِي فِي صَعْدَةَ وَغَيْرِهَا مِنَ الْيَمَنِ لَا شَكَّ فِي كَوْنِهِ قُرَشِيًّا لِأَنَّهُ مِنْ ذُرِّيَّةِ الْحُسَيْنِ بْنِ عَلِيٍّ، وَأَمَّا الَّذِي فِي الْمَغْرِبِ فَهُوَ حَفْصِيُّ مِنْ ذُرِّيَّةِ أَبِي حَفْصٍ صَاحِبِ ابْنِ ثَوَمَرْتٍ، وَقَدْ انْتَسَبُوا إِلَى عَمْرِ بْنِ الْخَطَّابِ وَهُوَ قُرَشِيٌّ

Maksud: Boleh jadi maksud “kekal kepemimpinan pada Quraysh” adalah pada sesetengah tempat, bukan semua. Beberapa kawasan di Yaman, iaitu tanah-tanah tinggi padanya, masih ada sekumpulan dari salasilah al-Hasan ibn 'Ali

dan kepimpinan wilayah itu masih terletak pada tangan mereka bermula pinggir abad ke 3 hijri. Di Hijaz, keturunan al-Hasan ibn 'Ali masih memimpin kota Mekah dan Yambu', sementara pemimpin Madinah adalah dari keturunan al-Husayn ibn 'Ali ... Pemimpin Mesir tidak syak lagi memang seorang berbangsa Quraysh kerana lahir dari keturunan al-Abbas. Di Sa'dah dan lain-lain tempat di Yaman tidak syak juga berbangsa Quraysh dari jalur al-Husayn ibn 'Ali, manakala di Morocco dari keturunan Abu Hafs, dari kumpulan Ibn Tumart, kerana mereka dinasabkan kepada 'Umar ibn al-Khattab dan beliau berbangsa Quraysh).

Kesimpulannya, mazhab Syafi'i dan majoriti ulama Islam menerima pendapat bahawa bangsa Quraysh adalah salah satu ciri kepimpinan dalam Islam. Al-Mawardi (2006: 19-20) meletakkannya sebagai syarat ke-7 pengiktirafan seorang khalifah. Memang syarat ini bukan satu syarat yang mesti ada, kerana selepas itu al-Mawardi (2006: 25) membincangkan kewajipan *ahl al-hall wa al-'aqd* memilih individu yang paling sesuai berpandukan kelebihan dan syarat yang telah disenaraikan, tetapi tidak dapat tidak ia merupakan ciri yang langka dan istimewa. Khususnya apabila ia sudah melengkapkan prinsip sebuah kerajaan Islam yang stabil dan kukuh seperti Brunei. Lantaran itu, bagi pengkaji, segala bentuk bukti dan simbol yang menunjukkan kepada keistimewaan ini perlu diketengahkan secara lebih jelas sebagai lambang kebesaran dan kedaulatan raja Melayu dan Islam.

Tentang bagaimana cara untuk menonjolkan keistimewaan ini, mungkin bergantung kepada kreativiti dan kemahiran pihak-pihak yang bertanggungjawab, namun kaitannya dengan Batu Tarsilah tidak boleh diperkecilkan. Sementelah lagi bukti itu cukup jelas mengaitkannya kepada ahl al-bayt (kerabat Rasulullah s.a.w.) yang mulia. Kecintaan umat Islam kepada ahl al-bayt sudah sangat jelas, bukan sahaja oleh golongan Syi'ah, bahkan setiap yang mencintai Rasulullah s.a.w. pasti sangat menghormati mereka. Khalifah Mu'awiyah ibn Abi Sufyan r.a. yang memerangi 'Ali ibn Abi Talib r.a. dalam perang Siffin (657M) dan mengasaskan kerajaan bani Umayyah (berbangsa Quraysh tetapi tidak termasuk ahl al-bayt) juga mencintai ahl al-bayt, khususnya al-Hasan dan al-Husayn, dengan perasaan dan tindakan beliau, (al-Ajurri, 1997: 2468-2470) maka inikan pula umat Islam yang tidak pernah terlibat dengan kemelut politik ahl al-bayt?

Jika tinggi martabat bangsa Quraysh kerana Allah s.w.t. memuliakan mereka dengan turunnya al-Quran menggunakan bahasa Quraysh, maka mulia ahl al-bayt disebabkan Rasulullah s.a.w. seorang daripada keturunan mereka. Jadi, kemuliaan ahl al-bayt itu di atas kemuliaan, seperti sabda Baginda s.a.w.:


إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ مِنْ وَلَدِ إِبْرَاهِيمَ إِسْمَاعِيلَ، وَاصْطَفَىٰ مِنْ وَلَدِ إِسْمَاعِيلَ بَنِي كِنَانَةَ، وَاصْطَفَىٰ مِنْ بَنِي كِنَانَةَ قُرَيْشًا، وَاصْطَفَىٰ مِنْ قُرَيْشٍ بَنِي هَاشِمٍ، وَاصْطَفَانِي مِنْ بَنِي هَاشِمٍ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah s.w.t. memilih dari kalangan keluarga Ibrahim Ismail dan memilih dari kalangan keluarga Ismail bani Kinanah, kemudian Allah memilih dari kalangan bani Kinanah Quraysh, Dia memilih lagi dari Quraysh bani Hashim (ahl al-bayt), dan akhirnya memilih aku (yakni Rasulullah s.a.w.) dari bani Hashim). (al-Albani, 2000: 483 (no. 3605))

Sabda Baginda lagi:

إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ الْخَلْقَ فَجَعَلَنِي مِنْ خَيْرِهِمْ مِنْ خَيْرِ فِرْقِهِمْ وَخَيْرِ الْفَرِيقَيْنِ، ثُمَّ تَخَيَّرَ الْقَبَائِلَ فَجَعَلَنِي مِنْ خَيْرِ قَبِيلَةٍ، ثُمَّ تَخَيَّرَ الْبُيُوتَ فَجَعَلَنِي مِنْ خَيْرِ بُيُوتِهِمْ، فَأَنَا خَيْرُهُمْ نَفْسًا وَخَيْرُهُمْ بَيْتًا

Ertinya: Sesungguhnya Allah s.w.t. menciptakan makhluk dan menjadikan aku dalam kalangan yang terbaik di antaranya (yakni manusia), kemudian Dia memilih bangsa dan menjadikanku pada bangsa yang paling mulia (yakni Arab-Quraysh), lalu Dia memilih keturunan dan menjadikanku pada keturunan yang paling mulia (yakni ahl al-bayt). Maka akulah yang terbaik daripada semua dan yang terbaik dalam keturunanku. (al-Tirmidhi, 1996, jil. 6: 6 (no. 3607))



Rajah 4: Gambaran kedudukan ahl al-bayt, Quraysh dengan manusia sejagat

Begitu tinggi darjat ahl al-bayt yang dimuliakan Allah s.w.t. bukan hanya untuk dijunjung (dihormati), bahkan untuk dicintai. Justeru, Imam al-Shafi'i diriwayatkan telah memuji ahl al-bayt, yang beliau sendiri salah seorang dari keturunan mereka, dengan dua bait puisi yang berbunyi:

يَا آلَ بَيْتِ رَسُولِ اللَّهِ حُبُّكُمْ مِنْ عَظِيمِ الْقَدْرِ أَنْتُمْ
فَرَضَ مِنَ اللَّهِ فِي الْقُرْآنِ أَنْزَلَهُ مَنْ لَمْ يُصَلِّ عَلَيْكُمْ لَا صَلَاةَ لَهُ

Maksudnya: Wahai al bayt Rasulullah, sesungguhnya kecintaan kepada kamu itu satu kewajipan dari Allah yang diturunkan dalam al-Qur'an. Cukup besar kemuliaan bagi kamu (duhai ahl al-bayt) apabila tidak sah solat bagi sesiapa yang tidak berselawat ke atas kamu. (Muhammad Ibrahim Salim, t.th.: 121)

Berdasarkan dua bait di atas, Imam al-Shafi'i bermaksud, mencintai kerabat Rasulullah s.a.w. menjadi satu kewajipan ke atas umat Islam kerana umat Islam diwajibkan

berselawat ke atas mereka, bersama-sama selawat ke atas Rasulullah s.a.w., sewaktu bertashahhud akhir (sebelum memberi salam). ‘Abd al-Rahman al-Jaziri berkata di dalam bukunya *al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba’ah* (2004, jil. 1: 241):

الشَّافِعِيُّ وَالْحَنَابِلَةُ قَالُوا الصَّلَاةُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي التَّشَهُُّدِ الْأَخِيرِ فَرَضٌ كَمَا تَقَدَّمَ تَفْصِيلُهُ فِي مَذْهَبِ كُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا فِي فَرَائِضِ الصَّلَاةِ

Ulama Syafi’i dan Hanbali berpendapat: Selawat ke atas nabi s.a.w. sewaktu bertashahhud akhir adalah fardu seperti mana terdahulu dalam perbincangan setiap mazhab mengenai perkara-perkara yang dianggap fardu solat).

KESIMPULAN

Begitulah perspektif ilmu nasab Islam menghargai Batu Tarsilah sebagai salah satu sumber dipercayai dalam menentukan status ahl al-bayt raja-raja Melayu. Batu Tarsilah yang dianggap bukti awal (*preliminary evidence*) tidak semestinya memberi kita info yang lengkap mengenai nasab raja-raja Brunei, tetapi bertitik tolak daripada premis itulah maka perbincangan akademik bermula bagi mencari bukti-bukti baharu dan korelasi-korelasi berkaitan untuk mengembangkan sempadan perbahasannya. Tidak ada konsep bukti mutlak, dalam erti kata tidak boleh dibahas atau ditafsirkan maknanya, dalam bidang kemanusiaan termasuklah sumber-sumber primer yang kadang-kadang dianggap sesetengah pihak sebagai kayu ukur yang literal untuk menentukan kebenaran sejarah.

Termasuklah bukti *istifadah* (استيفادة) yang memerlukan strategi dan metodologi khusus untuk membuktikannya, ilmu nasab Islam mengajarkan kepada kita bahawa kaedah pembuktian sejarah tidak boleh terhenti pada penelitian dokumen semata-mata. Sumber dokumen sangat terhad dan ia perlu dilengkapi terutamanya menerusi kajian di lapangan, selain ekskavasi dan kaedah-kaedah heuristik yang lain. Apa yang penting, korelasi dan indikator-indikator baharu yang boleh mencambahkan idea serta meluaskan skop penghujahan haruslah sentiasa ditemukan agar akal tidak jumud dalam memahami masa silam bangsa yang sangat sakral sifatnya.

Ketamadunan umat Islam sebenarnya sudah membuktikan, ilmu pengetahuan dan kaedah pembuktian silam juga mampu untuk mengembangkan peradaban manusia dalam tempoh yang sangat lama. Ia juga menggunakan sumber-sumber yang ada ketika itu dengan berbagai cabaran dan kepayahan untuk memahaminya. Ilmu pengetahuan silam mungkin perlu sentiasa diperbaharui dan disesuaikan dengan perkembangan zaman, tetapi sikap merendah-rendahkan maklumat yang datang dari relik sejarah sesebuah masyarakat atas sebab yang *surficial* tidak dapat diterima akal.

Sumber-sumber berwibawa seperti Batu Tarsilah juga perlu diangkat sebagai simbol kebesaran dan kedaulatan institusi raja. Bermacam-macam kaedah kreatif boleh dicadangkan untuk tujuan ini, tetapi ia mestilah berteraskan kepada Batu Tarsilah sebagai *magnum opus* masyarakat Islam Brunei. Paling penting, aktiviti kajian mengenai sumber-sumber ini, khususnya manuskrip yang belum dikaji atau belum ditemukan, tidak boleh sekali-kali terhenti. Ia perlu diteruskan demi melahirkan generasi yang mahir mentafsir sumber sejarah dan membina tesis yang berwibawa demi pengetahuan dan pembuktian lanjut supaya hegemoni sesebuah kerajaan boleh dipelihara dari serangan ideologi luar.

RUJUKAN

- al-Ajurri, Abu Bakr Muhammad ibn al-Husayn. 1997. *Kitab al-Shari'ah*. Tahqiq 'Abd Allah ibn 'Umar al-Dumayji. Al-Riyad: Dar al-Watan.
- al-Albani, Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din. 1988. *Da'if al-Jami' al-Saghir wa Ziyadatuhu*. Cet. 3. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Albani, Abu 'Abd al-Rahman Muhammad Nasir al-Din. 2000. *Sahih Sunan al-Tirmidhi*. Al-Riyad: Maktabat al-Ma'arif.
- 'Abd al-Rahman al-Jaziri. 2004. *al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ahmad, Abu 'Abd Allah Ahmad ibn Hanbal. 2009. *Musnad al-Imam Ahmad*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Amer Hudhaifah Hamzah. 2021. *Mu'allaqah Imr' al-Qays: Terjemahan dan Riwayat Hidup Pujangga Arab Era Jahiliyyah*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Amin Sweeney. 1968. Silsilah Raja-raja Berunai. *Journal of the Malaysian Branch of Royal Asiatic Society JMBRAS* 41(2): 1-82.
- Amin Sweeney. 1998. Batu Tarsilah, A Short Comment. dlm. *Papers Relating to Brunei*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- al-Barzanji, al-Sayyid Ja'far ibn Hasan. t.th. *Mawlid al-Barzanji*. Ahmad al-Qat'ani (pnyt.). Tajoura: t. pt.
- al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Isma'il. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Dimashq & Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Chen Da-Sheng. 1992. A Brunei Sultan in the Early 14th Century: Study of an Arabic Gravestone. *Journal of Southeast Asian Studies* 23(1): 1-13.
- Dartford, G. P. 1958. *A Short History of Malaya*. London: Longmans, Green and Co.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad ibn 'Ali. 2001. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq 'Abd al-Qadir Saybat al-Hamd. Al-Riyad: 'Ala nafaqat Sahib al-Sumuw al-Malaki al-Amir Sultan ibn 'Abd al-'Aziz Al Su'ud.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad. 2000. *Tarikh Ibn Khaldun*. Khalil Shahadah & Suhayl Zakkar (pnyt.). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman ibn Muhammad. 2010. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn al-Qayyim, Shams al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Abi Bakr al-Zar'i. 1998. *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*. Cet. 3. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn Majah, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Yazid al-Qazwini. t.th. *Sunan Ibn Majah*. Tahqiq Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Al-Qahirah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Johannes L. Kurz. 2014. Boni in Chinese Sources from The Tenth to The Eighteenth Century. *International Journal of Asia Pacific Studies* 10(1): 1-32.
- al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad al-Basri. 2006. *al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Tahqiq Ahmad Jadd. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Mohd. Jamil al-Sufri, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang. 1990. *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

- Mohd. Jamil al-Sufri, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang. 2002. *Adat Istiadat Diraja Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Perdana Menteri.
- Mohd. Jamil al-Sufri, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang. 2002. *Survival of Brunei: A Historical Perspective*. Bandar Seri Begawan: Brunei History Centre.
- Muhammad Ibrahim Salim. t.th. *Diwan al-Imam al-Shafi'i al-Musamma al-Jawhar al-Nafis fi Shi'r al-Imam Muhammad ibn Idris*. Kaherah: Maktabat Ibn Sina.
- Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj al-Qusayri. 2006. *Sahih Muslim*. Nazar Muhammad al-Faryabi (pnyt.). Al-Riyad: Dar Taybah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din Yahya ibn Sharah. 1994. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Cet. 2. Kaherah: Mu'assasat Qurtubah.
- al-Qalqashandi, Abu al-'Abbas Ahmad. 1980. *Nihayat al-Arab fi Ma'rifat Ansab al-'Arab*. Tahqiq Ibrahim al-Abyari. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- al-Razi, Muhammad ibn 'Umar ibn al-Husayn. 1986. *Manaqib al-Imam al-Shafi'i*. Kaherah: Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- al-Syafi'i, Muhammad ibn Idris al-Shafi'i. 2001. *al-Umm*. Tahqiq Rif'at Fawzi 'Abd al-Muttalib. Al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- al-Sayyid 'Aziz al-Din, Isma'il ibn al-Husayn al-Marwazi. 1989. *Al-Fakhri fi Ansab al-Talibiyyin*. Tahqiq al-Sayyid Mahdi al-Rajja'i. Qom: Maktabat Ayat Allah al-'Uzma.
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman ibn Abi Bakr. 2008. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa. 1996. *Al-Jami' al-Kabir*. Tahqiq Basshar 'Awwad Ma'ruf. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

LAMPIRAN**Senarai Raja-Raja Brunei dan Angka Giliran**

No.	Nama	Tahun	No.	Nama	Tahun
1.	Sultan Muhammad Shah	1363-1402	17.	Sultan Husin Kamaluddin	1710-1730
2.	Sultan Abdul Majid Hasan	1402-1408	18.	Sultan Muhammad Alauddin	1730-1737
3.	Sultan Ahmad	1408-1425	19.	Sultan Husin Kamaluddin	1737-1740
4.	Sultan Sharif Ali	1425-1432	20.	Sultan Umar Ali Saifuddin I	1740-1795
5.	Sultan Sulaiman	1432-1485	21.	Sultan Muhammad Tajuddin I	1795-1804
6.	Sultan Bulqiya	1485-1524	22.	Sultan Muhammad Jamalul Alam I	1804
7.	Sultan Abdul Kahar	1524-1530	23.	Sultan Muhammad Tajuddin I	1804-1807
8.	Sultan Saiful Rijal	1533-1581	24.	Sultan Muhammad Kanzul Alam	1807-1826
9.	Sultan Shah Brunei	1581-1582	25.	Sultan Muhammad Alam	1826-1828
10.	Sultan Muhammad Hasan	1582-1598	26.	Sultan Umar Ali Saifuddin II	1828-1852
11.	Sultan Abdul Jalil al-Akbar	1598-1659	27.	Sultan Abdul Mu'min	1852-1885
12.	Sultan Abdul Jalil al-Jabbar	1659-1660	28.	Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin	1885-1906
13.	Sultan Muhammad Ali	1660-1661	29.	Sultan Muhammad Jamalul Alam II	1906-1924
14.	Sultan Abdul Haqq al-Mubin	1661-1673	30.	Sultan Muhammad Tajuddin II	1924-1950
15.	Sultan Muhyiddin	1673-1690	31.	Sultan Umar Ali Saifuddin III	1950-1967
16.	Sultan Nasruddin	1690-1710	32.	Sultan Hassanul Bulqiya	1967-Kini